

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) mengapa 1MDB membayar faedah penamatan RM22 juta kepada seorang pengarah Jimah Energy pada tahun 2014; dan

- (b) sama ada pengarah-pengarah Edra Global Energy Berhad dibayar faedah penamatan dan berapakah jumlahnya, serta adakah pengarah-pengarah 1MDB berhak kepada manfaat penamatan dan bonus yang sama apabila ditamatkan perkhidmatan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1MDB dan Jimah Energy adalah sebuah syarikat yang tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965, di mana sebarang perjanjian yang ditandatangani syarikat adalah bersifat sulit dan peribadi kecuali perkara-perkara yang harus didedahkan mengikut undang-undang. Ini termasuklah butiran *contract of employment* (dengan izin) di antara syarikat dengan pekerja dan Lembaga Pengarah.